

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**  
**[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) apakah status program MyAPEC Youth Connect dan MyASEAN Internship; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia meningkatkan program ini mencapai standard VIE International Internship Program, Perancis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) melalui kerjasama bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melaksanakan Program *MyASEAN Internship* pada tahun 2015 dan diperluaskan kepada pelaksanaan *MyAPEC Youth Connect* sebagai kesinambungan dan usaha untuk terus memperkasakan takungan bakat negara dengan pengalaman global. Program Mobiliti Bakat dijenamakan semula mengambil alih pelaksanaan *MyASEAN* dan *MyAPEC Youth Connect* bagi menggembeleng usaha proaktif dalam meningkatkan kebolehpasaran

## SOALAN NO : 11

global bakat negara dalam mendepani gelombang revolusi industri 4.0.

2. Program ini menyediakan penempatan kerja jangka pendek dan latihan industri bersama syarikat yang berminat untuk melatih tenaga bakat Malaysia di dalam dan luar negara melalui insentif yang telah disediakan bagi membantu urusan mudahcara pelatih untuk menyempurnakan latihan industri dan penempatan pekerjaan jangka singkat bersama majikan. Antara kebaikan dan manfaat pelaksanaan program ini adalah seperti:

- i. Meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan dengan nilai tambah selaras dengan keperluan tenaga bakat global;
- ii. Memberi pendedahan kepada ekosistem dan pasaran global melalui program mobiliti usahasama pemain industri, universiti dan institut latihan TVET;
- iii. Meningkatkan kompetensi insaniah (*soft skills*) dan kemahiran berkomunikasi dalam persekitaran yang berbeza dan mencabar; dan
- iv. Memberi pendedahan dan meningkatkan kebijaksanaan budaya (*cultural intelligence*) para graduan dalam mendepani persekitaran kerja yang lebih kompetitif dan global.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sehingga September 2019, sejumlah 458 bakat muda negara telah menyertai dan mendapat manfaat menerusi program mobiliti bakat dengan penyertaan dan sokongan lebih 30 kementerian, agensi dan pemain industri negara antaranya MITI, Panasonic, BDO, Maybank Berhad, CIMB, AirAsia, Sime Darby, KPMG, UEM, Axiata, INTEL, IBM, dan banyak lagi.

## SOALAN NO : 11

Tuan Yang Di Pertua,

4. Menyadari kepentingan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan berteraskan *global citizenship*, dengan izin, selaras dengan keperluan industri bersaing untuk mendapatkan bakat terbaik dengan pengalaman global, TalentCorp akan memperluaskan kolaborasi strategik bersama Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperluas pelaksanaan mobiliti bakat ini di universiti dan institut latihan awam tempatan. Inisiatif ini akan diperhalusi untuk ditingkatkan skala pelaksanaannya kepada program yang lebih berimpak tinggi khususnya dalam menyediakan graduan dan takungan bakat negara yang selaras dengan permintaan industri global.

5. Program mobiliti bakat ini juga kini tidak terhad kepada penempatan pekerjaan singkat dan latihan industri malah akan diperluaskan kepada program pertukaran bakat, pendedahan sosio dan antara budaya serta projek kolaborasi bersama industri di bawah peruntukan pelaksanaan mobiliti bakat. Program mobiliti bakat ini juga akan dijayakan dengan usaha sama pemegang taruh strategik seperti MOHR, MOE, MITI, pihak industri dan institusi pengajian tinggi awam dan institut latihan teknikal negara.